

**POLA PERSONALITI DI KALANGAN PELAJAR PINTAR CERDAS
BERASASKAN INVENTORI PERSONALITI MBTI (MYERS BRIGGS TYPE
INDICATOR)**

HASUZILA BINTI HASAN

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS*

JUDUL: POLA PERSONALITI DI KALANGAN PELAJAR PINTAR CERDAS BERASASKAN INVENTORI PERSONALITI MBTI (MYERS BRIGGS TYPE INDICATOR)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SESI PENGAJIAN: 2005/2006

Saya

HASUZILA BINTI HASAN

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERRHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

KAMPUNG SEMALOI
86900 ENDAU,
JOHOR DARUL TAKZIM

Tarikh: 19 APRIL 2006


PM DR RIO SUMARNI BT SHARIFFUDIN

Nama Penyelia

Tarikh: 19 APRIL 2006.

- CATATAN:
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Muda Sains Dan Komputer Serta Pendidikan (Kimia)”.



Tandatangan :
Nama Penyelia : DR RIO SUMARNI BT SHARIFFUDIN
Tarikh : 19 APRIL 2006

POLA PERSONALITI DI KALANGAN PELAJAR PINTAR CERDAS
BERASASKAN INVENTORI PERSONALITI MBTI (MYERS BRIGGS TYPE
INDICATOR)


HASUZILA BINTI HASAN

Laporan Projek Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Dan Komputer Serta Pendidikan (Kimia)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2006

“Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

Tandatangan : 

Nama Penulis : HASUZILA BINTI HASAN

Tarikh :

Untuk ibu dan ayah tersayang
Terima kasih atas segala doa, jasa dan pengorbanan

Teman-teman seperjuangan
Perkukuhkanlah silaturahmi antara kita demi Allah S.W.T

Semoga kita sentiasa diredhai dan berada dalam rahmat-Nya
Insya Allah

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan kudrat-Nya, penulis berjaya menyempurnakan kajian ini.

Penulis ingin merakamkan penghargaan ikhlas dan ucapan terima kasih kepada pembimbing PSM ini iaitu Prof. Madya Dr Rio Sumarnib Sariffudin atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang beliau berikan sepanjang tempoh PSM ini dibuat.

Ucapan terima kasih juga penulis berikan kepada pihak pentadbiran KPM, JPN dan juga pihak sekolah yang memberikan sepenuh kerjasama dalam masa kajian ini dilakukan.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan PSM ini. Semoga segala bantuan yang dihulurkan dirahmati Allah S.W.T.

ABSTRAK

Personaliti merujuk kepada organisasi watak, perangai, intelek, bentuk badan cara pemikiran dan tingkah laku seseorang individu. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti jenis personaliti yang terdapat pada pelajar pintar cerdas dan juga untuk mengenalpasti perbezaan personaliti di antara pelajar lelaki dan perempuan di kalangan mereka yang pintar cerdas. Kajian telah dilakukan ke atas 214 orang pelajar di salah sebuah Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Bitara dan beberapa Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di negeri Kelantan. Kajian menggunakan borang kaji selidik Pengesan Personaliti Myers Briggs (MBTI) yang diubahsuai daripada Keirseley Temperament oleh June E. Millet dan data-data dianalisis menggunakan perisian SPSS for Windows versi 11.5. MBTI telah dibukti mempunyai tahap kebolehpercayaan sebanyak .85 dan tahap kesahan yang tinggi iaitu .75. Hasil kajian menunjukkan seramai 116 pelajar (54.2 peratus) mempunyai personaliti jenis EN (*Ekstrovert-Intuitive*), diikuti dengan 43 pelajar (20.1 peratus) mempunyai personaliti jenis ES (*Ekstrovert-Sensing*), 31 orang pelajar (14.5 peratus) mempunyai personaliti jenis IN (*Introvert-Intuitive*) dan 24 orang (11.2 peratus) pelajar mempunyai personaliti jenis IS (*Introvert-Sensing*). Dapatan kajian juga menunjukkan perbezaan dari segi turutan jenis personaliti yang dipunyai oleh pelajar-pelajar lelaki dan perempuan. Turutan jenis personaliti yang dimiliki oleh responden lelaki adalah EN>IN>ES>IS manakala turutan jenis personaliti bagi responden perempuan pula adalah EN>ES>IN>IS. Dicadangkan agar setiap sekolah melakukan ujian personaliti untuk mengetahui personaliti dominan pelajar dan kaedah pengajaran dipelbagaikan bersesuaian dengan personaliti pelajar pintar cerdas.

ABSTRACT

Personalities usually referred to organization of character, temperament, intellectual ability, manner of thinking, feeling and personal behavior. The purpose of the study was to identify the types of personalities of the excellent students and also to identify the difference in personality between male and female students. 214 students of some boarding schools including a Bitara Mara Junior Science College (MJSC) in Kelantan were the subjects of this study. A set of questionnaire (Myers Briggs Type Indicator) was used as the research instrument. The data were then analyzed using SPSS for Windows version 11.5. The results showed 116 students (54.2 percent) were of EN (*Ekstrovert-Intuitive*) type of personality, followed by 43 students (20.1 percent) of ES (*Ekstrovert-Sensing*) personality, 31 students (14.5 percent) of IN (*Introvert-Intuitive*) personality and 24 students (11.2 percent) of IS (*Introvert-Sensing*) personality. The results also showed the difference in personalities between male and female students. The sequence in personalities for the male students was EN>IN>ES>IS and EN>ES>IN>IS for the female students. Every schools were encouraged to do a personality test to identify a dominant student's personality so that teaching methods could be based on the student's personality.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI SINGKATAN	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB 1	Pengenalan	1
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	3
	1.2 Pernyataan Masalah	8
	1.3 Objektif Kajian	10
	1.4 Persoalan Kajian	10
	1.5 Kepentingan Kajian	11
	1.6 Skop dan Batasan Kajian	15
	1.7 Definisi Operasi	15
	1.7.1 Pola	15
	1.7.2 Personaliti	16
	1.7.3 Pelajar Pintar Cerdas	17

1.8	Kesimpulan	19
BAB 2	SOROTAN PENULISAN	20
2.0	Pengenalan	20
2.1	Teori Personaliti	20
2.2	Ciri-ciri Myers Briggs Type Indicator	22
2.3	Tinjauan Penulisan dan Kajian-Kajian Lepas	25
2.3.1	Kajian Personaliti dalam Pendidikan	25
2.4	Model Pendidikan Pintar Cerdas	30
2.4.1	Model Taylor	30
2.4.2	Model Treffinger	31
2.4.3	Model Williams	32
2.4.4	Model Renzulli	32
2.5	Teori-teori Personaliti	33
2.5.1	Teori Psikoanalitik	34
2.5.2	Teori Bidang	34
2.5.3	Teori Trait dan Jenis	35
2.6	Perkaitan Kecerdasan dengan Personaliti	36
2.7	Implikasi Introvert dan Ekstrovert dalam Pendidikan.	37
2.8	Kesimpulan	38
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	40
3.0	Pengenalan	40

3.1	Reka Bentuk Kajian	40
3.2	Tempat Kajian	41
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	42
3.4	Instrumen Kajian	42
3.5	Cara Menganalisis Data MBTI	44
3.6	Prosedur Kajian	45
3.7	Kajian Rintis	46
3.8	Kaedah Analisis Data	46
3.9	Penutup	47
BAB 4	ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN	48
4.0	Pengenalan	48
4.1	Huraian Latar Belakang Responden	48
4.1.1	Jantina	49
4.1.2	Keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR)	49
4.2	Hasil Dapatan Bagi Persoalan Kajian yang Pertama	50
4.3	Hasil Dapatan Bagi Persoalan Kajian yang Kedua	51
4.4	Rumusan	54
BAB 5	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	55
5.0	Pendahuluan	55
5.1	Perbincangan Hasil Kajian	56
5.1.1	Perbincangan Latar Belakang Responden	56

5.1.2	Perbincangan Dapatan Kajian Bagi Persoalan Pola Personaliti.	56
5.1.3	Perbincangan Dapatan Kajian Mengenai Perbezaan Personaliti Pelajar Berlainan Jantina	60
5.2	Pendekatan-pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran	63
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	67
5.4	Cadangan	68
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	68
5.6	Penutup	69
	BIBLIOGRAFI	70
	LAMPIRAN	
	Lampiran A-C	78

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.0	Ciri-ciri Dikotomi <i>Extraversion-Introversion</i>	22
2.1	Ciri-ciri Dikotomi <i>Sensing-Intuitive</i>	23
2.2	Ciri-ciri Dikotomi <i>Thinking-Feeling</i>	24
2.3	Ciri-ciri Dikotomi <i>Judging-Perceiving</i>	25
3.0	Spesifikasi Soalan Soal Selidik	43
4.0	Taburan Responden Mengikut Jantina	49
4.1	Taburan Responden Mengikut Keputusan PMR	50
4.2	Taburan Responden Mengikut Pola Personaliti	51
4.3	Perbandingan Personaliti Mengikut Dikotomi	51
4.4	Pola Personaliti Bagi Pelajar Lelaki	52
4.5	Pola Personaliti Bagi Pelajar Perempuan	53
4.6	Perbandingan Jenis Personaliti MBTI Mengikut Jantina	54
5.0	Taburan Responden Mengikut Pola Personaliti	57
5.1	Ciri-ciri Personaliti Bagi EN	58
5.2	Perbandingan Personaliti Mengikut Dikotomi	59
5.3	Perbandingan Jenis Personaliti MBTI Mengikut Jantina	62
5.4	Pendekatan-pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran pelajar EI	64
5.5	Pendekatan-pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran pelajar SN	65

SENARAI SINGKATAN

EN	<i>Extraversion-Intuitive</i>
ES	<i>Extraversion-Sensing</i>
IN	<i>Introversion-Intuitive</i>
IS	<i>Introversion-Sensing</i>
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
SPSS	<i>Statistical Package for Sosial Science</i>
PMR	Penilaian Menengah Rendah
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Borang Soal Selidik	78
Lampiran B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.	82
Lampiran C	Surat Pengenalan Diri dari Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia	84

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Setiap orang adalah dilahirkan dengan mempunyai perwatakan yang berbeza. Jika dua individu yang berbeza menghadapi satu masalah yang sama, cara penyelesaian yang dilakukan untuk menyelesaikan masalah tersebut mungkin dengan cara yang berbeza. Ini kerana cara pemikiran setiap individu itu adalah tidak sama. Inilah keindahan kejadian manusia yang diciptakan oleh pencipta-Nya mempunyai sifat yang unik dan tersendiri. Personaliti seseorang itu dapat dibayangkan oleh kecenderungannya sendiri untuk bertingkah laku mengikut cara yang tertentu (Kamaruddin Hj. Husin,1996).

Menurut Carver & Scheier (1998), personaliti mempunyai faktor yang penting dalam kehidupan seseorang individu. Personaliti mempengaruhi segala bentuk kelakuan individu tersebut. Ia melambangkan ciri-ciri keperibadian seseorang dan mencirikan perbezaan antara manusia dengan manusia yang lain. Menurut Heim (1978) dan Anida (2000), personaliti merupakan keseluruhan individu iaitu semua sifat keindividuan dan membezakan seseorang individu dengan individu lain. Personaliti termasuklah kombinasi semua sentimen kecenderungan minat, kemahiran kehendak, ciri-ciri, dan

gaya yang membentuk setiap individu. Ini menunjukkan personaliti melambangkan seseorang dari segala aspek.

Personaliti merupakan ciri-ciri keseluruhan tingkah laku yang tetap pada seseorang individu tetapi berbeza dengan individu yang lain. Menurut Warren & Carmichael (1930), personaliti merupakan seluruh organisasi mental seseorang insan dalam semua peringkat perkembangannya.

Banyak faktor yang mempengaruhi personaliti seseorang. Individu yang lahir daripada keluarga yang sempurna mungkin tidak sama personalitinya dengan personaliti individu yang lahir daripada keluarga yang berpecah belah. Individu yang mempunyai sejarah hitam kehidupan lepasnya mungkin mempunyai personaliti yang berbeza dengan individu yang sejarah kehidupannya penuh dengan perkara-perkara yang mengembirakan. Ini menunjukkan pengalaman lepas juga mempengaruhi personaliti seseorang.

Menurut Asmawati Baharuddin dan Norhalim Ibrahim (1996), personaliti seseorang individu merangkumi aspek-aspek kecenderungan tingkah laku. Personaliti merupakan natijah kepada interaksi faktor genetik dan faktor persekitaran. Personaliti dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman dan luaran. Faktor-faktor dalaman adalah baka dan keturunan, aspek-aspek fizikal, fisiologi dan biokimia, pengaruh endokrin dan proses-proses pertumbuhan, kematangan dan pembesaran. Faktor-faktor luaran pula ialah ibu bapa, guru-guru, media, faktor sosial dan budaya, pengalaman hidup, kerencatan fizikal dan mental serta reaksi terhadap penyakit.

Falsafah Pendidikan adalah bermatlamat untuk melahirkan individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Jadi langkah dan usaha yang diambil untuk mencapai matlamat dalam sistem pendidikan kita mestilah mengambil kira aspek potensi dan keperluan setiap individu pelajar. Ini termasuklah aspek personaliti dan kecerdasan.

Setiap individu yang dilahirkan mempunyai bakat dan potensi yang boleh diperkembangkan dan dipertingkatkan. Dengan kemajuan pada masa kini dan kemudahan dalam mendapatkan pelbagai jenis maklumat sedikit sebanyak memberi kesan yang besar terhadap perkembangan dan pertumbuhan fizikal, psikomotor dan emosi individu terutamanya di kalangan mereka yang mempunyai potensi dan bakat yang luar biasa yang juga dikenali sebagai mereka yang pintar cerdas (*gifted*).

Manusia mempunyai potensi kekuatan dan kelemahan tertentu. Mana-mana kekuatan atau kelemahan akan berkembang subur dengan banyak berdasarkan beberapa faktor seperti jiwa manusia, corak asuhan, kualiti pendidikan, persekitaran fizikal dan persekitaran sosio budaya. Bakat yang dimiliki oleh mereka yang pintar cerdas ini perlulah diperkembangkan supaya ianya tidak dipersia-siakan. Untuk memperkembangkan potensi dan bakat yang dimiliki pelajar pintar cerdas ini, satu bentuk pendidikan khas perlu disediakan untuk pelajar pintar cerdas kerana mereka merupakan aset penting kepada negara. Negara memerlukan khidmat serta sumbangan mereka dari segi perkembangan ilmu, penciptaan ilmu dan pembangunan ekonomi untuk mampu bersaing dengan negara-negara lain (Nik Azis, 1999)

1.1 Latar Belakang Masalah

Perkataan personaliti merupakan perkataan daripada Latin iaitu 'persona' atau 'personalitas'. Perkataan ini membawa maksud topeng iaitu rupa luaran yang ada pada seseorang termasuklah ciri-ciri dan kualiti dalamannya. Allport (1961) membahagikan personaliti kepada tiga bahagian iaitu kesan luaran, struktur dalaman dan pandangan positif.

Personaliti memberi dua pengertian iaitu yang pertama ialah kemahiran sosial iaitu personaliti seseorang dinilai melalui cara seseorang berjaya mendapatkan tindak balas yang positif daripada orang lain dalam pelbagai situasi. Maksud yang kedua ialah

personaliti sebagai kesan yang diberikan oleh seseorang tentang dirinya kepada orang lain.

Berdasarkan kajian lepas, pengkaji mendapati terdapat faktor lain umpamanya personaliti mempengaruhi pencapaian akademik. Menurut teori Psikologi Karl Jung, Catherine Briggs dan anaknya Isabel Myers telah menghasilkan empat dimensi personaliti iaitu dimensi *Extraversion* dan *Introversion*, dimensi *Sensing* dan *Intuitive*, dimensi *Thinking* dan *Feeling* dan juga dimensi *Judging* dan *Perceiving*.

Extraversion (ekstrovert) suka bergaul dengan ramai orang, suka bercakap, berjenaka, berfikiran terbuka, bertenaga bila berada dalam suatu kumpulan, bercakap dulu sebelum berfikir, tidak suka menyatakan sesuatu dengan tulisan, kurang berminat ambil tahu apa yang berlaku pada seseorang, mudah hilang kesabaran dan emosi cepat berubah.

Introversion (introvert) bertentangan dengan ekstrovert iaitu pemalu, pendiam, suka menyendiri, mengelak daripada berjumpa dengan orang ramai, beri peluang kepada orang lain dalam percakapan dan perbincangan, menyatakan idea dalam bentuk tulisan, tidak mengambil berat apa yang berlaku di luar tetapi mementingkan sifat diri seseorang.

Sensing (penderiaan) menggunakan secara praktikal sumber maklumat yang kukuh, jelas dan nyata, mental memikirkan keadaan semasa dan baik dalam memperkatakan pengalaman yang lepas.

Intuitive (intuisi) suka maklumat yang kabur, tekaan dan berkhayal, menggunakan khayalan apa kemungkinan akan berlaku, mental memikirkan masa hadapan dan ingatan mengutamakan kepada melihat corak, mencari hubungan dan makna serta baik dalam pemahaman teori.

Thinking (berfikir) mengutamakan tugas dan pekerjaan yang sempurna, pencarian kepada fakta yang logik dalam buat keputusan, menyediakan objektif analisa yang kritikal dan mengakui perselisihan faham dengan manusia sebagai hubungan yang biasa.

Feeling (perasaan) mengutamakan pertimbangan antara kehendak dan tindakan manusia, bersetuju kepada cadangan yang popular, pencarian menggunakan perasaan manusia dalam membuat keputusan dan tidak bersetuju dalam perselisihan faham serta mengambil tindakan diluar dugaan.

Judging (penghakiman) membuat rancangan lengkap sebelum sesuatu tindakan, elakkan tekanan perasaan hingga ke garisan terakhir dalam menjalankan tugas, meletakkan target (sasaran) dan menilai masa sebagai aturan hidup.

Perceiving (pengamatan) lebih selesa bergerak dalam buat tindakan terus tanpa rancangan, toleransi dengan tekanan perasaan dalam bekerja, menggemari kepelbagaian dan kebebasan dalam matlamat kehidupan.

Menurut teori yang dikemukakan oleh Erik Erikson, terdapat perbezaan dalam pembentukan identiti mengikut jantina. Pengaruh keluarga dan budaya juga dikenalpasti memberi pengaruh dan kesan terhadap personaliti individu. Jadi, di kalangan pelajar pintar cerdas, adakah jenis personaliti yang dipunyai oleh pelajar-pelajar berlainan jantina dan bangsa ini juga akan menunjukkan perbezaan? Ini adalah sebahagian daripada perkara yang ingin dikaji oleh penyelidik dalam kajian ini.

Individu yang pintar cerdas ialah individu yang mempunyai potensi dan bakat yang luar biasa yang boleh dipertingkatkan dan diperkembangkan. Golongan pintar cerdas di Malaysia mula diberi perhatian dalam sistem pendidikan dengan terlaksananya Sistem Kelas Ekspres pada tahun 1962. Dalam sistem ini, kanak-kanak yang memiliki potensi dan memperoleh pencapaian mengatasi rakan-rakan sebayanya telah diberi

peluang untuk memendekkan tempoh persekolahan rendah daripada enam tahun kepada lima tahun sahaja. Tetapi sistem ini telah dihentikan perlaksanannya pada awal tahun 1970an.

Namun pada awal tahun 1980an, satu Simposium Kebangsaan mengenai kanak-kanak bergeliga telah diadakan. Ekoran daripada simposium yang telah diadakan ini, isu tentang pintar cerdas telah kembali dibangkitkan. Persatuan MENSA Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1983 untuk mengenal pasti individu yang pintar cerdas. Pada tahun 1985, Universiti Malaya telah memulakan program BAKA khusus untuk pelajar pintar cerdas manakala Persatuan Kanak-kanak Bergeliga Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1987.

Menyedari betapa pentingnya program untuk pelajar pintar cerdas di negara ini, maka Seminar Pendidikan Pelajar Pintar Cerdas telah diadakan pada tahun 1990 di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Hasil daripada seminar ini, didapati perancangan dan pelaksanaan program yang sistematik perlu diadakan bagi memenuhi keperluan pelajar yang pintar cerdas. Maka pada 1996, satu bentuk penilaian untuk mengenalpasti pelajar pintar cerdas telah dilaksanakan yang dikenali sebagai Ujian Penilaian Tahap Satu (PTS). Penilaian ini dilakukan keatas pelajar tahun tiga sekolah rendah. Pelajar yang melepasi tahap yang ditetapkan dibenar untuk melompat kelas dan belajar bersama-sama pelajar tahun lima tanpa perlu mengikuti pembelajaran tahun empat. Mungkin terdapat masalah dalam sistem ini, program ini hanya dilaksanakan dalam tempoh lima tahun sahaja.

Pelajar-pelajar pintar cerdas dianggap akan berjaya dalam pelajaran sekolah dan dalam kehidupan seharian mereka secara automatik. Bagaimanapun, anggapan ini tidak disokong oleh kajian saintifik. Sering kali kanak-kanak pintar cerdas bukan sahaja gagal membina skim pemikiran yang mantap malah mereka juga mengalami masalah penyesuaian diri, kekosongan jiwa, kekecewaan dan kerisauan. Sebahagian daripada tokoh pintar cerdas yang terkemuka pernah mengalami kesulitan dalam pendidikan

sekolah. Misalnya Einstein gagal dalam bahasa, Schubert gagal dalam matematik, George Bernard Shaw tidak dapat mengeja dengan baik, dan Newton memaparkan skim pemikiran yang serba kekurangan semasa di sekolah rendah (Larson,1973). Ini menunjukkan betapa pentingnya untuk menyediakan satu program yang khas untuk pelajar-pelajar pintar cerdas ini supaya bakat dan potensi yang ada pada pelajar-pelajar ini dapat dikembangkan dan bagi mengelakkan pelajar-pelajar ini mengalami masalah yang disebabkan gaya pembelajaran yang tidak sesuai dengan tahap kebolehan mereka. Ini dapat dibantu dengan mengetahui personaliti yang ada pada pelajar-pelajar pintar cerdas ini yang mana akan menjadi petunjuk dan panduan untuk semua pihak bagi menentukan gaya pembelajaran yang terbaik bagi mereka.

Dengan pelaksanaan program KBSR dan KBSM yang memberi tumpuan kepada umum untuk semua pelajar, maka masanya sudah tiba untuk kita meneliti isu-isu yang berkaitan dengan pengajaran, pembelajaran dan penilaian bagi pendidikan pintar cerdas secara meluas dan mendalam. Kalau tidak, kemungkinan pelajar pintar cerdas yang akan menceburi bidang pekerjaan pada masa akan datang nanti akan mengalami kesulitan untuk memenuhi tuntutan dunia moden yang penuh mencabar kerana mereka tidak mendapat didikan yang sewajarnya.

Peningkatan dalam bidang pendidikan pada masa sekarang menunjukkan bahawa negara kita sedang menuju kepada sebuah negara maju. Ini dapat dibuktikan dengan peningkatan dan kemajuan dalam pencapaian pelajar-pelajar kita dalam bidang akademik. Dada-dada akhbar sering kali memaparkan kecemerlangan pelajar-pelajar kita dalam bidang pendidikan setiap kali keputusan peperiksaan diumumkan. Pada tahun ini contohnya negara kita dibanggakan lagi dengan keputusan seorang pelajar kita iaitu Amelina Che Bakri yang memperolehi 17A dalam peperiksaan SPMnya, (SPM 2004). Ini menunjukkan ibu bapa pada masa kini sudah faham akan kepentingan pendidikan pada masa sekarang.

Dengan meningkatnya taraf serta kualiti pendidikan di negara kita, maka meningkatlah juga bilangan pelajar-pelajar kita yang cemerlang dalam bidang pendidikan. Dengan erti kata yang lain, semakin ramai pelajar kita yang pintar cerdas. Bilangan Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) sama ada awam ataupun swasta semakin bertambah. Peluang untuk memasuki sekolah-sekolah berasrama dan institusi-institusi pengajian tinggi juga semakin hari semakin sengit.

Tetapi mengapa ramai siswazah kita sukar untuk memperolehi pekerjaan pada masa kini? Adakah disebabkan peluang kerja yang terdapat di negara kita tidak dapat menampung bilangan siswazah kita yang ramai atau siswazah-siswazah yang dilahirkan tidak cukup kualiti dan keupayaan mereka untuk memasuki bidang-bidang kerjaya yang tertentu walaupun mempunyai kelayakan (Diploma, Ijazah atau sebagainya)? Di manakah silapnya dalam bidang pendidikan kita yang menyebabkan situasi seperti ini berlaku?

Banyak kajian perlu dilakukan terhadap pelajar-pelajar pintar cerdas ini. Ini bagi memastikan kehadiran dan kebolehan mereka tidak disisa-siakan. Merekalah pelapis generasi kita yang akan mengambil alih negara pada masa hadapan.

1.2 Pernyataan Masalah

Tahap kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan pendidikan secara tidak langsung melahirkan ramai pelajar kita yang pintar cerdas. Gaya pembelajaran bagi pelajar pintar cerdas ini sudah semestinya tidak sama dengan pelajar-pelajar yang biasa. Adalah penting untuk mengkaji cara proses pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan berkesan untuk mereka ini bagi memastikan kelebihan yang dimiliki oleh mereka dapat memberi manfaat kepada negara suatu masa nanti.

. Setiap kanak-kanak normal mempunyai potensi untuk tumbuh dan berkembang menjadi pelajar pintar dan berbakat. Ibu bapa dan sekolah bertanggungjawab untuk membimbing kanak-kanak tersebut mengembangkan potensi mereka secara seimbang, menyeluruh, sepadu dan optimum. Pengalaman dan aktiviti pembelajaran yang disediakan untuk pelajar-pelajar harus dapat mengembangkan, memupuk, mencungkil dan meningkatkan kebolehan, bakat dan motivasi yang sedia ada dalam bidang rohani, kognitif, afektif dan psikomotor ke peringkat yang maksimum. Perlu ditegaskan bahawa pelajar-pelajar yang mempunyai potensi pintar cerdas tidak akan berkembang menjadi pelajar pintar cerdas jika mereka tidak didedahkan kepada pengalaman dan aktiviti pembelajaran yang sesuai. Matlamat pelajar pintar cerdas adalah untuk melahirkan pelajar yang baik. Pelajar yang baik memiliki personaliti yang seimbang dan sepadu.

Kanak-kanak pintar adalah suatu sumber alam yang berharga (Gardner, 1961) dan mereka merupakan sebahagian daripada harta kekayaan negara. Bagaimanapun sekolah sering kali gagal untuk memberi perhatian yang sewajarnya kepada pendidikan pelajar-pelajar pintar cerdas kerana pelajar-pelajar tersebut dianggap tidak memerlukan sebarang bimbingan yang khusus, ataupun kebolehan mereka tidak diketahui oleh guru. Gallagher (1975) berpendapat bahawa ramai guru gagal mengenalpasti pelajar-pelajar pintar kerana mereka memberi perhatian kepada petunjuk tingkah laku yang salah.

Kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji pola personaliti pelajar-pelajar pintar cerdas. Kajian ini merangkumi jenis-jenis personaliti yang terdapat di kalangan pelajar-pelajar pintar cerdas dan adakah terdapat perbezaannya di antara personaliti pelajar yang berlainan jantina. Berdasarkan kajian tentang personaliti dalam psikologi bersama-sama dengan hasil-hasil penyelidikan terhadap psikologi perkembangan, teori pembelajaran dan psikologi sosial pada perbezaan individu dan mengambil kira manusia itu secara keseluruhan, ahli-ahli personaliti cuba untuk menggubal prinsip-prinsip umum yang dapat menerangkan serta dapat meramal perbezaan-perbezaan yang terdapat dalam kelakuan individu.

Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dalam kajian ini merupakan salah sebuah MRSM yang terbaik di Malaysia. Dengan taraf MRSM Bitara, MRSM ini memang diakui kecemerlangan pelajar-pelajarnya dalam bidang akademik dan juga kegiatan luarnya. Pelajar-pelajar yang dipilih untuk masuk ke MRSM ini adalah dengan keputusan 8A atau 9A di dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Keputusan yang cemerlang pelajar-pelajarnya dalam peperiksaan Siljil Pelajaran Malaysia (SPM) juga membuktikan kecemerlangan MRSM ini. Begitu juga dengan pelajar Sekolah Berasrama Penuh yang dipilih sebagai responden dalam kajian ini juga terdiri daripada pelajar-pelajar yang keputusan PMRnya adalah 6A dan keatas. Jadi ini bertepatan dengan objektif penyelidikan untuk mengkaji pola personaliti di kalangan pelajar pintar cerdas.

1.3 Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif kajian yang akan membantu penyelidik menjalankan penyelidikan terhadap isu yang dibincangkan. Antaranya ialah:

- 1) Mengenalpasti apakah jenis-jenis personaliti yang terdapat di kalangan pelajar pintar cerdas.
- 2) Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan antara ciri-ciri personaliti pelajar lelaki dan pelajar perempuan di kalangan pelajar pintar cerdas.

1.4 Persoalan Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, penyelidik telah menyediakan beberapa persoalan kajian yang dibuat berdasarkan objektif kajian. Berikut merupakan persoalan kajian terhadap isu ini:

- 1) Apakah jenis-jenis personaliti yang terdapat di kalangan pelajar-pelajar pintar cerdas?
- 2) Adakah terdapat perbezaan personaliti di antara pelajar-pelajar lelaki dengan pelajar-pelajar perempuan?